

Blok B GM Klang buka 1 November



Blok B GM Klang akan mula beroperasi pada 1 November ini.

PUSAT Pemborong GM Klang meluaskan lagi empayar perniagaannya dengan pembukaan satu lagi blok bangunan baharu iaitu Blok B pada 1 November ini.

Blok baharu itu dibuka secara berperingkat bermula dengan tingkat satu hingga tingkat empat pada 1 November dan diikuti zon antarabangsa di tingkat lima pada Disember nanti.

Bermula tahun hadapan, dua tingkat lagi bakal dibuka iaitu tingkat bawah pada Februari 2017 dan tingkat enam pada pertengahan 2017, sekali gus melengkapkan Blok B secara keseluruhannya.

Berarah Urusan Pusat

Pemborong GM Klang, Datuk Lim Seng Kok berkata, rancangan pembukaan secara berperingkat dibuat sebelum pembinaan bangunan dimulakan bagi memastikan operasi pengurusan lancar.

"Ini penting supaya kami dapat memberikan 100 peratus fokus kepada setiap peringkat dalam memastikan strategi pembukaan Blok B ini berjaya secara keseluruhannya.

"Kami komited kepada misi jangka panjang iaitu menjadi pusat pemborong sehenti paling komprehensif di Asia Tenggara," katanya di Majlis Doa Selamat pembukaan Blok B, semalam.

Menurutnya, pembukaan

Blok B Pusat Pemborong GM Klang bukan sahaja menawarkan lebih banyak pilihan produk bahkan membuka banyak peluang perniagaan.

Tingkat satu hingga empat menjual produk fesyen pakaian, beg, kasut, minyak wangi, kosmetik dan aksesori.

Tingkat lima (zon antarabangsa) menempatkan barangan borong luar Malaysia.

Tingkat bawah dibuka Februari 2017, memfokuskan produk tempatan atau jenama Malaysia. Tingkat enam pula gabungan pelbagai konsep seperti medan selera, kios makanan, kedai perkhidmatan, taman permainan dan pameran antarabangsa.